



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH IKLAN / JUAL /HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN
1.	NO. SEBUT HARGA S0118/26 FAIL RUJUKAN A4/15/19/25 TAJUK SEBUTHARGA BAGI PEMBELIAN SERVER VM HOST UNTUK MAJLIS BANDARAYA IPOH BAGI TAHUN 2026	(TERBUKA) BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN KOD BIDANG 210103 SOFTWARE – SUPPLY ALL COMPUTER SOFTWARE, OPERATING SYSTEM, DATABASE, Off-THE-SHELF PACKAGES INCLUDING MAINTENANCE DAN 210105 TELECOMMUNICATION/NETWORKING-SUPPLY PRODUCT, INFRASTRUCTURE, SERVICES INCLUDING MAINTENANCE (LAN/WAN/INTERNET/WIRELESS/ SATELLITE) DAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI LHDN (TCC)	TARIKH IKLAN 10 OGOS 2026 (ISNIN) TARIKH JUAL 10 OGOS 2026 (ISNIN) TARIKH AKHIR PEMBELIAN 17 OGOS 2026 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH MALAM HARGA DOKUMEN RM80.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my	-TIDAK BERKENAAN-	TARIKH TUTUP 18 OGOS 2026 (SELASA) MASA 12:00 TENGAH HARI LOKASI PENGHANTARAN PETI TENDER/ SEBUT HARGA TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH

JIKA TERDAPAT LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK:-

- HANYA **PENAMA YANG DIBERI KUASA DALAM LESEN** SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK
- SEMUA PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI MEMBAWA **COP SYARIKAT DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK**
- HANYA PENYEBUTHARGA YANG HADIR LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTAI DAN MEMBELI SEBUTHARGA INI.

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebut harga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen sebut harga dan memuat turun dokumen akan DITUTUP pada 17 OGOS 2026 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH MALAM. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

3. Naskah Meja Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.

4. Dokumen sebut harga hanya dijual kepada syarikat **dengan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia** serta masih sah lakunya, **60 hari** dari tarikh mula jual.

5. Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (Cukai taksiran/ kompaun/ sewaan/ semak-samun/ pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**

6. Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjurong kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Majlis Bandaraya Ipoh.**

7. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.

8. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL
KETUA UNIT UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
PENOLONG KETUA UNIT UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH